

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PRA PELUNCURAN PROJEK RASA
MELAKA**

**23 SEPTEMBER 2025 (SELASA)
10.15 PAGI
LOT. 59, JALAN HANG KASTURI
PREMIS RASA MELAKA, JONKER WALK,
MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
Malaysia Madani dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kita semua dapat berhimpun pada pagi ini dalam majlis yang sangat bermakna bagi meraikan satu lagi kejayaan ANGKASA dalam

meneroka peluang baharu dalam sektor perniagaan berasaskan pelancongan.

2. Pertama sekali, setinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Alex Seah Shoo Chin, Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka dan YB Datuk Tuminah Kadi @ Mohd Hashim, Timbalan Exco Pembangunan Usahawanan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka kerana sudi meluangkan masa dan bersama-sama meraikan **Majlis Pra-Peluncuran Rasa Melaka by ANGKASA** pada hari ini.

3. Untuk pengetahuan YB, Datuk dan hadirin sekalian, menerusi projek Rasa Melaka, ANGKASA bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Koperasi Keluarga Hajah Che Me Melaka Berhad (KOCHEME) dan Koperasi Abang Beca Melaka Berhad

dalam usaha menjayakan sebuah lagi perniagaan milik ANGKASA iaitu cafe Rasa Melaka by ANGKASA dan juga khidmat sewaan studio podcast.

4. Tidak lupa, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang sentiasa memberikan sokongan dan dokongan kepada ANGKASA dalam usaha mengangkat identiti pelancongan, gastronomi, dan keusahawanan koperasi sebagai satu tarikan baharu di tengah-tengah kawasan warisan dunia ini.

Hadirin yang dihormati,

5. Berdasarkan **perangkaan koperasi Malaysia bagi tahun 2024 yang dikeluarkan oleh SKM, Melaka mencatatkan sebanyak 504 buah koperasi dengan keanggotaan seramai 172,690 orang, syer dan yuran berjumlah RM107.06 juta dan aset sebanyak RM598.66 juta dengan**

catatan perolehan sebanyak RM181.64 juta. Koperasi negeri Melaka juga telah mencatatkan peningkatan dalam pertumbuhan koperasi sebanyak 2.48 peratus dalam bagi tahun 2020 hingga 2024.

6. Untuk makluman para hadirin, sehingga **31 Disember 2024, sebanyak 233 koperasi di seluruh negara terlibat secara khusus dalam sektor pelancongan meliputi 39 aktiviti** berasaskan pelancongan antaranya hotel dan inap desa, penjagaan diri dan kesihatan, pusat kecantikan, spa dan salon serta kraf seperti batik dan kraftangan.
7. ANGKASA sebagai badan puncak Gerakan koperasi yang diiktiraf oleh Kerajaan juga sentiasa mencari jalan dan peluang untuk membantu koperasi terlibat dalam sektor perlancongan untuk lebih berdaya maju dan memberikan impak besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK). Ia juga selaras dengan hasrat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) khususnya melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang menyokong penuh keputusan kerajaan menganjurkan Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026) dengan memastikan keterlibatan koperasi dalam sektor pelancongan.

Hadirin yang dihormati,

8. Pemilihan Jonker Walk sebagai lokasi projek Rasa Melaka ini dilihat bertepatan dan strategik memandangkan Jonker Walk adalah pusat tumpuan pelancong di Melaka. ANGKASA juga yakin, Melaka sebagai negeri bersejarah yang kaya dengan budaya akan terus menjadi pusat tumpuan pelancong dalam dan luar negara.
9. Justeru, Rasa Melaka terpanggil untuk menzahirkan perkara serupa

dengan hidangan makanan tradisional Melayu di zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Nasi Lemak Puteri Hang Li Poh, Asam Pedas dengan pelbagai jenis pilihan ikan, Onde-Onde Gula Melaka, Cendol Gula Melaka, Kuih Keria, Sate dan Nasi Impit dan pelbagai lagi juadah di samping keenakan aroma kopi kampung yang memikat.

- 10.** Pada masa sama, menerusi kolaborasi dengan Koperasi Abang Beca Melaka Berhad, Rasa Melaka menawarkan perkhidmatan beca di sekitar Jonker Walk dan Bandaraya Melaka kepada para pelanggan. Menerusi pakej yang disediakan di Rasa Melaka, pelancong dan pelanggan di Rasa Melaka berpeluang mengenakan busana songket dan bergambar (OOTD) di enam (6) buah lokasi khas yang akan dibawa menggunakan beca. Saya percaya tarikan busana songket ini merupakan sesuatu yang baharu di

persekitaran Jonker walk yang mana sering dilihat hanyalah busana kebaya batik Nyonya Melaka.

11. Selain pengalaman menaiki beca, Rasa Melaka menawarkan pengalaman pembelajaran budaya, menerusi ruang fotografi ala Melayu Melaka, demonstrasi masakan makanan tradisional Melayu Melaka, pameran dan sewaan busana songket pakaian Melayu lama, kraftangan Melayu, dan juga demonstrasi menganyam ketupat.

12. Dengan Projek Rasa Melaka ini, ANGKASA berhasrat bukan sekadar menyediakan sebuah kafe, tetapi sebuah ruang warisan dan identiti Melayu Melaka, tempat di mana pelancong dan rakyat tempatan dapat menyelami kembali sejarah serta keindahan budaya silam sambil menikmati rasa tradisi yang unik.

Hadirin yang dihormati,

13. Saya berharap dengan sokongan semua pihak terutama kerajaan negeri, masyarakat setempat, penggiat seni dan kebudayaan, pemain industri pelancongan dan rakan media, Rasa Melaka akan menjadi satu tarikan baharu yang bukan sahaja menambah pengalaman pelancongan di Jonker Walk, tetapi juga mengangkat kembali Kesultanan Melayu Melaka ke dalam landskap budaya Melaka moden.

14. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini, mulai dari perancangan, reka bentuk, pembinaan, sehingga kepada pembukaan Rasa Melaka. Saya berharap, lebih banyak lagi koperasi di Melaka menceburi sektor pelancongan dalam usaha merencanakan lagi sektor perniagaan koperasi negara.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.